

BAB 5 – TAMADUN AWAL DUNIA**Halaman 108****Kod Undang-Undang Hammurabi**

Kod Undang-Undang Hammurabi membuktikan bahawa tamadun awal manusia sudah mempunyai undang-undang. Undang-undang ini ditemui oleh ahli arkeologi pada tahun 1901 yang menjelaskan konsep pemerintah zaman Mesopotamia yang dipilih oleh Tuhan untuk melaksanakan kewajipan di dunia.

Pemerintah Babylon telah berjaya menyatukan Babylon dan Sumer membentuk sebuah empayar sekitar tahun 2,000 SM. Hammurabi pemerintah ke-5 Babylon berusaha menyatukan empayar dalam bidang politik. Hammurabi telah membentuk Kod Undang-Undang yang seragam dan digunakan dalam empayar Babylon. Sebelum membentuk kod undang-undang ini, Hammurabi telah mengarahkan pegawaiannya mengumpulkan semua peraturan dan undang-undang tempatan dari semua wilayah dalam empayarnya. Langkah seterusnya ialah membentuk menjadi hanya satu undang-undang sahaja. Kod Undang-Undang yang dibentuk mengandungi 282 Fasal yang dipahat di atas papan batu sepanjang tujuh kaki tinggi.



Patung Wajah Hammurabi



Kod Undang-Undang Hammurabi yang dipahat pada papan batu.



Undang-Undang ditulis dalam Cuneiform.

Kod Undang-Undang Hammurabi mempunyai kandungan undang-undang yang lebih mendalam dan komprehensif yang masih kekal semenjak zaman kuno. Ia juga merupakan undang-undang bertulis yang lengkap. Ia mengandungi spektrum luas berkaitan tanggungjawab moral, sosial dan perdagangan. Undang-undang sivil dan jenayah menjelaskan hukuman bagi kesalahan membunuh, mencuri, sumbang mahram, zina, menculik, menyerang dan memukul. Malah ada banyak lagi hukuman berkaitan kesalahan jenayah dinyatakan. Perkara penting yang dipelajari daripada Undang-Undang Hammurabi ialah mengenai pembahagian kelas, hubungan keluarga dan hak asasi manusia.

Di dalam Undang-Undang Babylon, individu tidak dianggap sama rata. Nilai seseorang invidu diukur dari segi kekayaan dan status seseorang. Keganasan yang dilakukan oleh seseorang yang bebas terhadap orang lain akan saling dihukum (fasal 196) tetapi jika keganasan yang sama dilakukan ke atas individu kelas bawahan maka hukumannya lebih ringan (Fasal 198). Hukuman akan dikurangkan lagi jika keganasan yang sama dilakukan jika mangsanya adalah hamba (Fasal 199). Di dalam Kod Undang-Undang Hammurabi, hamba (tawanan perang atau hamba hutang) tidak mempunyai hak awam. Mereka hanya dilindungi di rumah sahaja.

Di dalam masyarakat Babylon, wanita dianggap kurang bijak dan lemah dari segi fizikal berbanding kaum lelaki. Wanita akan berpindah dari rumah bapanya dan tinggal dengan suaminya untuk membesarkan anak-anaknya (Fasal 138). Undang-Undang Hammurabi mengiktiraf wanita menikmati kebebasan perdagangan dan menikmati perlindungan undang-undang (Fasal 134, 128, 141, 142). Wanita mempunyai hak dan bernilai untuk membesarkan anak dan melakukan kerja rumah.